# FAQ LUXE PRO MINI BRUSH SET & CLASSIC EYES BRUSH SET

1. Adakah berus dari sintetik nylon boleh dicuci menggunakan sabun pencuci berus? Jika tidak apa candangan yang sesuai untuk menjaga kebersihan berus jenis ini?

Ya boleh. Selain dari menggunakan sabun pencuci berus, boleh juga menggunakan shampoo bayi ataupun sabun pencuci pinggan.

2. Adakah bulu produk ini mudah gugur dan melekat di wajah pengguna semasa menggunakan produk ini?

Bulu berus Classic Eyes Brush Set & Luxe Pro Mini Brush Set ini kukuh dan tidak akan mudah gugur atau tercabut apabila digunakan.

3. Bagi berus ' face cream brush ' adakah ia akan meninggalkan kesan garisan pada wajah selepas di *blend* jika pengguna menggunakan foundation jenis liquid?





Bagi berus yang khas untuk foundation atau concealer, dengan teknik yang betul, sapuan dan kemasan tidak akan meninggalkan kesan garisan pada wajah. Lebih-lebih lagi, bulu berus bagi Classic Eyes Brush Set & Luxe Pro Mini Brush Set ini adalah dari bulu sintetik nylon, jadi ia sangat sesuai untuk aplikasi produk bertekstur cecair ataupun krim.

4. Apa yang perlu dilakukan oleh pengguna jika berus sudah berubah bentuk seperti rajah? Adakah makeup brush sendayu tinggi akan berubah setelah dibasuh atau kerap digunakan?



Dengan penjagaan yang betul, berus solekan biasanya boleh bertahan sehingga 2 – 3 tahun lamanya tanpa menjadi kembang atau kasar. Jika bulu berus sudah menjadi kembang dan kasar, sebaiknya hentikan penggunaan kerana ia tidak akan memberikan kemasan yang baik lagi kepada solekan.

5. Bagi makeup brush yang mula mengeras dan bulu bercantum seperti rajah, bagaimanakah cara yang sesuai untuk mebaik pulih atau menceggah terjadinya masalah begini?



Untuk elakkan masalah seperti ini berlaku, pastikan berus solekan sentiasa dalam keadaan bersih dan kering. Seeloknya, selepas setiap penggunaan cuci atau bersihkan berus makeup kita lebih-lebih lagi untuk berus yang digunakan untuk sapuan foundation, concealer ataupun lipstick.

# APA ITU CLASSIC EYES BRUSH SET

- Classic Eyes Brush Set dicipta khas untuk memberi solekan mata yang tampil kemas dan menawan.

- Hadir dengan 9 jenis berus khas untuk solekan mata, setiap batang berus mempunyai fungsi yang tersendiri untuk kemasan solekan yang sempurna.

- Setiap batang berus dilengkapi dengan bulu sintetik nylon berkualiti tinggi yang lembut dan tidak mudah tercabut serta hadir dengan bag dari PU Leather yang dicipta khas untuk menyimpan Classic Eyes Brush Set ini.

- Bulu berus sangat lebat, lembut, tidak mudah tercabut dan mampu “mengangkat dan menyerap” produk yang dibaur pada wajah.

- Pembuatan berus ini adalah dengan penuh teliti untuk mendapatkan kualiti yang terbaik bagi setiap keluarannya

- CRUELTY FREE & VEGAN MAKEUP BRUSHES

## CARA MENCUCI BULU BERUS SINTETIK

1. Campurkan sabun pencuci pinggan ataupun shampoo bayi dengan sedikit minyak zaiton.

2. Basahkan bulu berus.

3. Celupkan bulu berus kedalam campuran sabun dan minyak zaiton.

4. Gosok bulu berus ke atas tapak tangan atau ‘brush egg cleaner’ dengan melakukan teknik putaran sehingga kotoran pada berus hilang.

5. Bilas sehingga bersih.

6. Lap dan bentukkan semula bulu berus supaya tidak menjadi terlalu kembang dengan menggunakan kain lembut atau tisu kertas.

7. Jemur dalam keadaan baring atau tergantung (bulu berus di bahagian bawah) sehingga kering.

## TIPS MENCUCI BULU BERUS SINTETIK

1. Jangan rendam berus terlalu lama.

2. Jangan rendam berus sehingga tenggelam ke paras atas besi pemegang berus.

3. Jangan keringkan bulu berus dengan menggunakan pengering rambut.

4. Berus seperti berus mata dan berus foundation atau concealer sebaiknya perlu dibersihkan selepas setiap penggunaan

5. Cuci berus sekurang-kurangnya 2 bulan sekali jika jarang digunakan.

6. Jangan lupa untuk bersihkan batang berus juga.

7. Jangan simpan berus di kawasan yang lembap dan basah

8. Gunakan pelembap rambut (conditioner) selepas membasuh berus untuk bantu kekalkan kelembutan bulu berus.

# JENIS & FUNGSI CLASSIC EYES BRUSH SET

|  |  |  |
|---|---|---|
| **BLENDING BRUSH**<br>• Melembut kombinasi pembayang mata agar kelihatan sekata dan halus. | **CREAM SHADER BRUSH**<br>• Dikhaskan untuk membaur eyeshadow bertekstur krim. Sesuai untuk teknik ‘smudging’ celak di bahagian bawah mata. | **SLANTED SHADER BRUSH**<br>• Bentuknya yang ‘condong’ memudahkan sapuan eyeshadow diseluruh mata. Berus ini juga sesuai untuk eyeshadow berformula krim. |

| | | |
|---|---|---|
|  |  |  |
| **<u>SPOOLIE BRUSH</u>**<br>• Berus khas untuk merapikan bulu kening. | **<u>SOFT SHADER BRUSH</u>**<br>• Berus yang lebar dan berbulu lembut sesuai untuk membaur eyeshadow ke seluruh mata, menyerlahkan bentuk mata dan juga sebagai berus highlight pada tulang kening. | **<u>CREASE DEFINER BRUSH</u>**<br>• Berus terbaik untuk teknik kontur pada bahagian mata. Gunakan juga untuk teknik ‘smoky’ dibahagian hujung mata. |

| | | |
|---|---|---|
|  |  |  |
| **SMOKEY CREASE BRUSH**<br>• Menyempurnakan efek ‘smoky’ pada solekan mata. Sesuai untuk menyekatakan ‘shading’ eyeshadow. | **WINGED LINER BRUSH**<br>• Berus berbulu nipis tetapi padat ini sesuai untuk semua tekstur produk. Bentuknya yang condong sesuai digunakan untuk melukis ‘wing eyeliner’ ataupun sebagai berus lakaran kening. | **FINE LINER BRUSH**<br>• Berus kecil yang sedikit bengkok ini amat sesuai untuk teknik ‘tightline’ di bahagian mata. |